

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

### **DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN  
MOHD HARUN NARRASHID [KOTA TINGGI]**

**NO. SOALAN : 107**

YB Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd Harun Narrashid [KOTA TINGGI] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sejauh manakah Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) dapat meningkatkan konsep ekonomi berteraskan Islam dan seterusnya mampu mengukuhkan Malaysia menjadi pengeluar produk halal terbesar di dunia.

### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada dasarnya, keperluan dan syarat pensijilan halal yang dilaksanakan selama ini di Malaysia tidak akan terjejas di bawah Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA). Ini kerana pensijilan halal mendapat pengiktirafan TPPA di bawah Artikel 7.3(2) di mana negara TPP boleh meneruskan pelaksanaan peraturan atau syarat-syarat halal termasuk pensijilan dan pengauditan sebagai syarat import makanan dan produk makanan.

2. Malaysia sememangnya telah mendapat pengiktirafan global terhadap kepakaran dan pengalaman dalam pensijilan dan pembangunan standard halal serta telah menjadi penanda aras (*benchmark*) kepada negara yang berhasrat untuk memajukan industri halal global. Kelebihan ini dapat membantu untuk meletakkan Malaysia dalam kedudukan baik untuk terus membangunkan Malaysia sebagai hab halal global dan memacu pertumbuhan industri tersebut.

3. Dengan penyertaan Malaysia di dalam TPPA ini, ia akan membuka akses kepada pasaran berkeutamaan khususnya ke empat negara pasaran FTA yang baharu, iaitu Amerika Syarikat, Kanada, Mexico dan Peru kerana negara-negara ini belum mempunyai sebarang perjanjian perdagangan bebas dengan Malaysia. Melalui TPP, sebahagian duti import yang pada masa ini yang dikenakan oleh negara-negara tersebut akan dihapuskan secara serta merta. Ini secara langsung meningkatkan daya saing produk halal Malaysia ke pasaran TPP.

4. Antara kategori produk yang berpotensi adalah sektor makanan, kosmetik, bahan kimia industri, dan farmaseutikal. TPPA akan bertindak sebagai salah satu pemangkin bagi pertumbuhan industri halal di Malaysia yang seterusnya akan menarik kemasukan pelaburan asing ke dalam negara kerana melalui TPPA, duti import bagi kira-kira 70% daripada eksport produk makanan ke Amerika Syarikat, Kanada, Mexico dan Peru akan dimansuhkan serta-merta dengan berkuatkuasanya perjanjian ini. Selain itu, duti import bagi 90% eksport produk farmaseutikal ke Amerika Syarikat, Kanada, Mexico dan Peru juga akan dimansuhkan serta-merta.

5. Penghapusan duti import di negara-negara tersebut akan memberi kelebihan kepada pengeluar dan pengeksport makanan serta farmaseutikal tempatan berbanding produk yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat pesaing serantau seperti dari Indonesia, Thailand dan China yang masih belum menjadi ahli TPP pada masa ini.

6. Penyertaan Malaysia di dalam TPPA adalah berdasarkan potensi perjanjian tersebut dalam mewujudkan pasaran yang besar bagi barangan dan perkhidmatan Malaysia dengan layanan keutamaan yang hanya diberikan kepada ahli-ahli TPPA. Jika direalisasikan, TPPA akan membentuk pasaran bebas cukai yang besar membabitkan 800 juta penduduk dengan gabungan KDNK USD27.5 trilion. Jumlah ini jauh lebih besar daripada pasaran domestik Malaysia pada masa ini iaitu 29.5 juta rakyat dan KDNK bernilai USD300 bilion.

7. Di bawah Rancangan Malaysia ke-11 (RMKe11), pelan pembangunan berkaitan industri halal telah diberi penekanan yang khusus melalui Teras ke-6 iaitu 'Merekayasa Pertumbuhan Ekonomi Untuk Peningkatan Kemakmuran'. Pelaksanaannya dirujuk kepada strategi untuk 'mentransformasikan sektor perkhidmatan berkaitan halal berdasarkan 5 hala tuju, iaitu:

- i) menambah baik tadbir urus sektoral;
- ii) memperkukuhkan integriti halal Malaysia;
- iii) meningkatkan nilai eksport halal;
- iv) menghubungkan Malaysia dengan rangkaian bekalan halal serantau; dan
- v) meningkatkan bilangan pakar berkaitan industri halal.

8. Strategi dan pendekatan pelaksanaan inisiatif berkaitan pembangunan industri halal juga akan diteruskan dan diperkembangkan mekanisma pelaksanaannya. Ini termasuklah usaha:

- i) menggalakkan usaha sama strategik antara syarikat besar atau multinasional dengan syarikat halal tempatan yang berpotensi tinggi;
- ii) penjenamaan halal Malaysia melalui program strategik;
- iii) penjenamaan halal Malaysia melalui acara-acara utama; dan
- iv) melengkapkan kemudahan sedia ada dalam *Global Halal Support Centre*.

9. TPPA merupakan sebuah perjanjian perdagangan bebas yang komprehensif, di mana dalam kebanyakan aspek ia juga menitikberatkan kemampuan aktiviti ekonomi yang memberi penekanan terhadap kebajikan buruh, mesra alam sekitar, standard produk dan perlindungan data pengguna *e-commerce*. Bagi Malaysia, TPPA tidak meminda Perlembagaan Negara dan ia juga tidak mengubah dasar Bumiputera dan status agama Islam sebagai agama rasmi negara. TPPA juga tidak mengekang negara daripada bertindak untuk menghalang kemasukan unsur lucah melalui saluran internet dan media yang lain.